

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

APRIL 1996

RAK 341/4 - Sejarah Seni Bina

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. Rekabentuk Bangunan Tradisional Melayu merupakan bentuk yang paling responsif kepada keadaan persekitaran setempat. Bincangkan dengan bantuan lakaran kenyataan tersebut dengan mengambilkira faktor-faktor seperti adat resam, bahan binaan, teknik pembinaan dan iklim dan lain-lain.

(20 markah)

2. Lembah Mesopotamia yang subur dan strategik telah menjadi rebutan pelbagai suku bangsa dari suku Sumeria hingga ke suku Assyria. Sepanjang sejarah Tamadun Lembah tersebut pelbagai bentuk seni bina telah dibangunkan. Di antara bangunan yang termasyur ialah Ziggurat Taman Gantung Babylon.

Bincangkan dengan bantuan lakaran bangunan-bangunan tersebut dan faktor-faktor yang mempengaruhi rekabentuknya.

(20 markah)

3. Tamadun Mesir Kuno telah menghasilkan beberapa bentuk bangunan yang menakjubkan yang kebanyakannya mempunyai kaitan dengan kepercayaan hidup sesudah mati. Dengan mengambilkira bangunan seperti Mastaba, Piramid, Sphinx dan Pusara (rock cut tomb), bincangkan bagaimanakah hubungan kepercayaan tersebut dengan rekabentuk bangunan yang dibangunkan?

(20 markah)

...2/-

(RAK 341)

4. Tamadun Yunani (Greek) telah mempelopori pelbagai aspek kehidupan tamadun barat termasuk dalam bidang seni bina. Bincangkan apakah bentuk seni bina yang dibangunkan sehingga menjadi model seni bina kepada tamadun Romawi selepasnya?

(20 markah)

5. Tamadun Romawi telah dikatakan mencapai tahap yang tinggi di dalam pelbagai aspek kehidupan. Pelbagai jenis bangunan dibina untuk menampung pelbagai fungsi. Di antara hasil seni bina yang dibangunkan semasa era ini termasuklah bangunan-bangunan seperti: Basilica, Roman Bath Forum, Empitheatre, theatre, circus. Bincangkan dengan bantuan lakaran rekabentuk bangunan-bangunan tersebut.

(20 markah)

6. Setelah Empayar Roman terbahagi kepada 2 Wilayah Utama iaitu Empayar Timur dan Barat. Rekabentuk bangunan turut menampakkan ciri-ciri tersebut yang tersendiri. Bincangkan ciri-ciri dengan mengambilkira seni bina Gereja di Empayar Barat dan Timur.

(20 markah)

7. Bincangkan **EMPAT** daripada tajuk-tajuk berikut yang mempunyai kaitan dengan rekabentuk Masjid.

- (a) Kubah
- (b) Menara
- (c) Mihrab
- (d) Tempat Wudhuk
- (e) Mimbar
- (f) Susunatur ruang dalam Masjid

....3/-

(RAK 341)

8. Bincangkan dengan bantuan lakaran **EMPAT** daripada tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Tiang Asoka
- (b) Stambhas
- (c) Vihara
- (d) Tau King
- (e) Torana
- (f) Tori
- (g) Stupa

(20 markah)

9. Bincangkan dengan lakaran, apakah yang dimaksudkan dengan Seni Bina Kebangsaan dalam konteks seni bina di Malaysia masa kini?

(20 markah)

-ooo00ooo-